



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 46 / 2019

110 ORANG PENGUNDI AWAL MENGUNDI SELASA INI

1. Seramai **110 orang** daripada jumlah keseluruhan 118 orang pengundi awal bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.27 Rantau akan mengundi pada **Selasa, 9 April 2019**. Mereka merupakan **74 orang** anggota tentera serta pasangan yang akan mengundi di **Pangkalan Udara Sendayan** dan **36 orang** anggota polis yang akan mengundi di **Balai Polis Rantau**. Baki seramai **8 orang** pengundi yang terdiri daripada tentera akan mengundi secara pos.
2. Kedua-dua pusat pengundian awal akan **dibuka mulai jam 8.00 pagi** dan **ditutup pada jam 12:00 tengah hari**.
3. Proses pengundian awal ini akan disaksikan oleh setiap ejen-ejen calon serta Pemerhati Pilihan Raya yang terdiri daripada wakil organisasi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang telah dilantik oleh SPR. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara live streaming menerusi Facebook SPR.
4. Semua peti undi bagi pengundian awal akan disimpan di lokap balai polis dan pengiraannya akan dibuat pada Hari Pengundian pada 13 April 2019 di pusat pengiraan undi berkelompok di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bandar Sri Sendayan dan akan disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding serta pemerhati pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 8 April 2019/ 2 Syaaban 1440H